

PM bangga sikap Sultan Kelantan

29.9.90

LAGI BERITA DAN
GAMBAR DI MUKA 2

Oleh
Rozaid Abdul Rahman

GUA MUSANG 28 Sept. — Perdana Menteri Dato' Sri **Dr. Mahathir Mohamad** hari ini berkata, beliau kesal kerana ada orang yang menggunakan istana untuk kepentingan politik walaupun raja-raja telah memainkan peranan mereka dengan tidak mencampuri politik, sebagaimana kehendak perlembagaan.

Katanya golongan itu mengambil kesempatan daripada lawatan raja ke sesuatu kawasan untuk tujuan politik mereka dan "ini adalah tidak baik."

Dalam keadaan seperti itu sesetengah rakyat yang tidak tahu, menyangka bahawa sultan atau istana terlibat dalam politik, kata beliau pada perjumpaan dengan peneroka dan Orang Asli di FELDA Ciku Tiga di sini.

Dato' Sri Dr. Mahathir melahirkan rasa gembira dan bangganya dengan sikap Sultan Kelantan yang menyatakan dalam ucapan hari ulang tahun keputeraan baginda baru-baru ini, bahawa baginda tidak mencampuri hal politik.

"Itulah peranan raja, tidak campur tangan

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM BANGGA SIKAP SULTAN KELANTAN

UM 29 SEP 1990

dalam politik dan dalam negara kita, kita hendak pisahkan peranan raja daripada politik," katanya.

Beliau berkata, jika raja melibatkan diri dalam politik, ia akan mencemarkan institusi berkenaan kerana akan terdedah kepada cacian.

Mengikut adat, orang Melayu sekali-kali tidak akan mencaci rajanya, kata beliau.

Perdana Menteri juga kesal kerana terdapat golongan yang pergi ke kawasan-kawasan rancangan tanah dan menghasut peneroka supaya membenci kerajaan.

Orang-orang ini sebenarnya disuruh oleh pemimpin mereka yang juga tidak pernah berter-

ma kasih kepada kerajaan walaupun mereka telah mendapat faedah daripada kerajaan, katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan di kawasan tanah rancangan kepada rakyat termasuk bekalan air, elektrik, sekolah dan klinik.

Beliau berkata peneroka merupakan golongan istimewa dan tidak ada negara di dunia yang berbuat demikian untuk rakyatnya.

Katanya, baru-baru ini pemimpin - pemimpin dari negara Zimbabwe dan Nigeria menyatakan kekaguman dengan kejayaan FELDA dan akan mengambil teladan kejayaan FELDA untuk di-

perkenalkan di negara masing - masing.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata setakat ini kira-kira 574,000 hektar dimajukan oleh FELDA bagi faedah rakyat.

Katanya, kerajaan akan terus memajukan rancangan FELDA untuk memberi kemudahan dan pendapatan yang lumayan kepada peneroka.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Yaacob, Presiden MCA Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik yang juga Menteri Pengangkutan, Presiden MIC Dato' Sri S. Samy Vellu (Menteri Tenaga, Telekom dan Pos) dan Presiden Gerakan Dato' Sri Dr. Lim Keng Yaik (Menteri Perusahaan Utama).